

# Malam budaya Cina pupuk perpaduan

**Tanjung Malim:** Unit Seni dan Muzik, Persatuan Bahasa Cina, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), menjayakan Malam Kebudayaan Cina 2013 baru-baru ini, sebagai usaha memupuk perpaduan menerusi kebudayaan

Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Dr Raja Nor Safinaz Raja Harun, berkata program itu yang berlangsung di Dewan Besar UPSI, sejajar dengan kehidupan masyarakat pelbagai kaum dan etnik di Malaysia.

“Inilah keunikan Malaysia dan mahasiswa perlu memanfaatkannya tanpa mengira kaum untuk saling memahami serta mengenali,” katanya.

Pengarah program itu, Kam Mei Chen, pula menyifatkan penganjuran Malam

Kebudayaan Cina 2013 sebagai inisiatif memperkenalkan kebudayaan Cina kepada kaum lain di UPSI.

**Persembahan gendang** Walaupun turut diselitkan dengan lagu rock dan pop


oleh band Staccato, program berkenaan secara keseluruhan ditunjangi persembahan kebudayaan.

Penonton dihiburkan dengan persembahan tarian tradisional oleh Persatuan Bahasa Cina, wudo oleh pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Sin, Tanjung Malim, dan orkestra Cina oleh Persatuan Murid-murid Tua SJKC San Yuk, Rawang.

Persembahan menarik '24 Season Drum', iaitu pukulan sembilan gendang yang berasal daripada perayaan hari penuaian di China,

dijayakan mahasiswa Kolej Sultan Alauddin Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Selain itu, turut diadakan pameran seperti seni kaligrafi, seni potongan kertas, seni simpulan dan budaya teh Cina.



Persembahan 24 Season Drum memukau perhatian penonton.